

Putrajaya cerminkan kemerdekaan negara

0 BH 18 JUN 2000

PUTRAJAYA: Pembangunan bandar baru Putrajaya di sini mencerminkan identiti sebenar rakyat dan negara ini yang melambangkan kemerdekaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Putrajaya mempunyai identiti unik termasuk unsur seni bina Islam yang patut menjadi kebanggaan seluruh rakyat, tidak seperti bangunan yang dibina pada zaman sebelum merdeka dengan seni bina bercirikan penjajah.

Malah katanya, Putrajaya iaitu salah satu daripada dua bandar pintar yang terletak dalam kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) mencerminkan betapa Malaysia sudah berjaya dibangunkan selepas melalui zaman penjajahan.

“Saya percaya penduduk dan pelawat ke Malaysia akan mengenali Putrajaya... inilah identiti Malaysia yang kita harap akan terus dapat dimajukan.

“Putrajaya akan menjadi kebanggaan rakyat dan negara ini sebagai mercu tanda sebuah negara yang maju, lebih maju daripada

zaman penjajah dulu. Inilah tanda kemerdekaan kita,” katanya melancarkan sambutan ulang tahun pertama perpindahan Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke Putrajaya, di sini malam.

Putrajaya adalah pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru dengan kompleks serba moden dan dibina secara terancang, terletak kira-kira 40 kilometer dari ibu negara. Pusat itu dibangunkan oleh Putrajaya Holdings Sdn Bhd.

JPM mula beroperasi di sini pada 21 Jun tahun lalu dengan mesyuarat Kabinet yang pertama diadakan dua hari kemudian.

Dr Mahathir berkata, ketika kebanyakan negara lain mengambil masa agak lama untuk membina pusat pentadbiran mereka, Malaysia cuma mengambil masa tiga tahun menyiapkan Putrajaya iaitu satu rekod.

Katanya, Putrajaya dibina secara terancang dan bijak meskipun pelaksanaannya mengambil masa yang singkat dan ia dijangka terus berkembang maju yang akan di-

diami sekurang-kurangnya 500,000 orang suatu hari nanti.

Sementara itu, dalam buku cenderamata sempena sambutan berkenaan, Dr Mahathir berkata perpindahan itu membuka satu paradigma baru dalam lembaran perkhidmatan awam Malaysia.

Beliau berkata ini akan menjurus kepada pentadbiran awam yang modern, cekap, berkualiti dan berdaya saing dengan penggunaan teknologi maklumat (IT) di setiap peringkat.

“Segala usaha untuk memakmurkan negara memerlukan pengorbanan dan penggembengan tenaga secara menyeluruh daripada semua lapisan pegawai dan kakitangan kerajaan,” katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menyampaikan hadiah kepada pemenang pelbagai kategori acara Larian Putrajaya 2000, dan melawat gerai menjual pelbagai barangan dan makanan. Beliau turut memotong kek berbentuk model Putrajaya yang dihadiahkan oleh pihak pengurusan sebuah hotel dekat sini.